

22 MAR 2004

Pilihan raya-Kedah

GABUNGAN FAKTOR NASIONAL DAN NEGERI TAMATKAN IMPIAN PAS DI KEDAH

Analisis Berita

Oleh: Zulkefli Salleh

ALOR STAR, 22 Mac (Bernama) -- PAS akhirnya terpaksa menerima hakikat

bahawa rancangannya untuk menawan Kedah cuma sebuah impian apabila Barisan

Nasional (BN) memenangi lebih dua pertiga daripada 36 kerusi Dewan Undangan

Negeri.

Parti pembangkang tidak itu perlu melihat jauh mengapa rakyat Kedah

membuat keputusan memberi mandat kepada BN dan bukan mereka untuk mentadbir

"Jelapang Padi" ini.

Setelah pulih dari kejutan kekalahan di Kedah, selepas

Terengganu juga

terlepas ke tangan BN, pemimpin dan anggota PAS terpaksa menerima hakikat

bahawa pengundi, khususnya di Kedah, menolak "Islam politik" yang dibawa

parti itu.

Sebaliknya pengundi di Kedah menerima politik Islam yang berlandaskan

ajaran Islam sebenar yang diperjuangkan oleh Umno di bawah kepimpinan

barunya.

Angin politik inilah yang memukul alun menjadi gelombang pengaruh

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melanda seluruh

negara sejak lebih empat bulan lalu yang mengejutkan PAS dari impiannya.

Jika PAS mahu terus hidup dan memainkan peranan sebagai pembangkang

yang baik, ia perlu melihat ke dalam diri kaedah-kaedah politiknya. Pengundi terutama dari generasi muda, yang berjumlah kira-kira

56,000 di

Kedah, tidak lagi mahu menerima budaya politik parti pembangkang yang

berciri maki hamun dan serangan peribadi untuk meraih sokongan mereka.

Selain ketiadaan isu besar, sekatan membuat serangan peribadi dalam

bentuk undang-undang pilihan raya, membuat PAS seolah-olah hilang arah dan

kekuatan untuk menarik sokongan rakyat.

Naib Presiden PAS, Azizan Abdul Razak yang juga Pesuruhjaya PAS negeri,

ketika mengulas kekalahan teruk partinya di negeri ini mengakui partinya tidak mempunyai isu dan keadaan politik sudah berubah.

"Keadaan sekarang berbeza dari 1999. Selain ketiadaan isu besar, rakyat menerima kepimpinan Pak Lah," katanya ketika dihubungi.

Untuk berlaku adil kepada Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, kemenangan besar BN di Kedah harus juga dikaitkan dengan "puputan bayu dan alun" kepimpinan Mesra Rakyat diamalkan olehnya sejak empat tahun setengah menerajui pentadbiran negeri.

Pengundi termasuk dari kalangan generasi muda dapat menilai kualiti kepimpinan Abdullah dan Syed Razak yang sudahpun mereka terjemahkan dalam keputusan pilihan raya umum ke-11 ini.

"Gendang perang" PAS untuk menawan Kedah selepas berjaya menawan 12 kerusi DUN dan lapan kerusi parlimen pada pilihan raya umum lepas, pada mulanya yang kelihatan seolah-olah bakal menumbangkan BN di Kedah.

Keyakinan Syed Razak bahawa BN Kedah, khususnya Umno, bakal menyekat kemaraan PAS di negeri ini, yang dinyatakan berkali-kali sejak mengambil alih tampuk pemerintahan menerusi media, dianggap bersikap terlalu yakin.

Laporan khas dan analisis berita mengenainya yang ditulis oleh para wartawan tempatan dianggap tidak lebih daripada memanjangkan propaganda Umno Kedah untuk melemahkan semangat PAS.

Dalam pada itu Syed Razak terus merapatkan barisan dan memperkukuhkan Umno Kedah yang dalam keadaan agak lemah akibat krisis dalaman apabila beliau mengambil alih Pengerusi Perhubungan Umno Negeri.

Beliau juga berjaya memperbaiki hubungan dan kerjasama antara kepimpinan politik dengan Kedah Civil Service (KCS) untuk menjayakan pelan tindakan Kedah Maju 2010 bagi menjadikan Kedah negeri maju seperti Selangor dan Johor dalam tempoh itu.

Beliau berjaya menyelesaikan isu Sekolah Agama Rakyat (SAR) melalui stail kepimpinan pendekatan mesra untuk memujuk dan menyerapkan mereka ke dalam sistem pendidikan arus perdana.

Isu udang Kerpan yang membabitkan pengambilan tanah sawah petani yang

dieksploitasi oleh PAS habis-habisan kononnya kerajaan menzalimi rakyat akhirnya berjaya diselesaikan dengan pemberian dividen keuntungan projek itu buat pertama kali tahun lepas.

Penekanan kepada usaha terus memajukan industri pertanian dan mengembangkan sektor industri pembuatan dan perkilangan, termasuk pembukaan kilang mengeluarkan kereta di Gurun, membuka mata rakyat mengenai faedah pelan Kedah Maju 2010.

Perancangan kerajaan negeri dengan sokongan kerajaan pusat untuk membuka industri kecil dan sederhana di daerah-daerah miskin dan terpencil, memberi harapan kepada penduduknya untuk terus memberi peluang kepada BN melaksanakan program pembangunannya.

Rakyat melihat dan menilai semua perkara itu dan membuat keputusan memberi mandat kepada BN Kedah yang juga hampir menyapu bersih semua 15 kerusi parlimen di negeri ini.

Gabungan calon BN yang mantap diamanahkan, untuk melaksanakan janji-janji dalam manifesto BN memperkukuhkan lagi keyakinan pengundi terhadapnya.

Penasihat Umno Perhubungan Negeri, Tan Sri Azahari Taib, berkata enam bulan sebelum pilihan raya umum, Umno Kedah memeras otak dan keringat untuk merangka strategi dan perancangan jentera pilihan raya dalam menyekat kemaraan PAS.

Dengan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai penasihat pilihan raya negeri BN untuk menyuntik semangat kepada petugasnya, jentera pilihan BN berjalan lancar, kata beliau.

-- BERNAMA
ZS RON